

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA
Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang 1988/89
Jun 1989

RPW 541 - Teori dan Falsafah Perancangan

Masa : (3 jam)

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang tercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab SEMUA soalan.

1. Perancangan perumahan untuk golongan berpendapatan rendah merupakan salah satu strategi Kerajaan untuk mengadakan keperluan asas kepada rakyat. Bincangkan konsep perancangan perumahan kos rendah di dalam konteks falsafah perancangan. Adakah anda setuju dengan pendapat bahawa rational perancangan perumahan kos rendah adalah berteraskan falsafah perancangan pembahagian (Alokatif)?.

(25 markah)

2. Pembangunan semula pusat bandar, menonjolkan beberapa konflik yang wujud daripada segi falsafah perancangan yang merangkumi antara lain:-

- (i) Falsafah peningkatan.
- (ii) Falsafah inovatif.
- (iii) Falsafah kemajmukan.
- (iv) Falsafah guaman.

Bincangkan.

(25 markah)

3. Apakah yang dimaksudkan dengan falsafah perancangan prosedur?. Ramai yang telah memperkatakan bahawa falsafah perancangan prosedur sering melambatkan proses penyediaan pelan?.

Bincangkan.

(25 markah)

4. Teori dan falsafah perancangan di negara maju khususnya negara barat diamalkan berdasarkan corak pembangunan, ciri-ciri sosio-ekonomi dan budayanya yang tersendiri. Adakah amalan di negara barat boleh dipraktikkan di Malaysia?.

(25 markah)

-00000000-